

Lapor jika ejen caj ambil amah lebih RM15,000

Johor Bahru: Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Johor Bahru mengesan terdapat agensi pengambilan pembantu rumah di negara itu serta di negara ini yang mengenakan bayaran antara RM20,000 hingga RM30,000 bagi mendapatkan seorang pekerja domestik.

Sehubungan itu, Konsul Jenderal Republik Indonesia Johor Bahru, Sigit Suryantoro Widiyanto, meminta rakyat Malaysia yang dikenakan bayaran melebihi RM15,000 oleh ejen bagi mendapatkan pembantu domestik warganya supaya membuat aduan kepada KJRI.

Aduan itu penting bagi membolehkan agensi serta ejen berkenaan disenarai hitam, sekali gus dilarang menyediakan perkhidmatan berkenaan lagi.

"Agensi pengambilan pembantu rumah hanya dibenarkan mengenakan bayaran maksimum RM15,000 seperti yang sudah tertakluk dalam memorandum persefahaman (MoU) antara Indonesia dan Malaysia yang ditandatangani April lalu.

"Namun, KJRI mendapat maklumat ada agensi mengena-

kan bayaran melebihi yang ditetapkan iaitu antara RM20,000 hingga RM30,000 dan perbuatan ini sangat tidak bertanggungjawab.

"Kami mohon majikan Malaysia yang membuat pembayaran lebih daripada RM15,000 supaya segera melaporkan kepada KJRI Johor Bahru supaya mereka dapat disenarai hitamkan," katanya selepas majlis ramah mesra dan taklimat media di Aula Achmad Soebardjo KJRI Johor Bahru, semalam.

1,000 amah dapat permit

Dalam pada itu, Sigit Suryantoro berkata, lebih 1,000 pembantu rumah Indonesia sudah diberi kebenaran dan permit kerja bagi bekerja sebagai pekerja domestik di negeri ini dengan mengikut syarat MoU yang ditandatangani, sehingga bulan ini.

Bagaimanapun, katanya, KJRI percaya masih ramai rakyat Indonesia yang menggunakan visa pelancong dan memasuki negara ini menerusi terminal feri antarabangsa sebelum bekerja sebagai pembantu rumah di negara ini secara



Sigit Suryantoro (tujuh dari kiri) pada majlis ramah mesra dan taklimat media di Aula Achmad Soebardjo KJRI Johor Bahru, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

haram dan tanpa permit.

"Sekarang rakyat Indonesia yang mahu bekerja di Malaysia tanpa mendapatkan permit tidak lagi menggunakan laluan tikus, sebaliknya menggunakan terminal feri antarabangsa dan kononnya masuk sebagai pelancong.

"Di terminal feri, akan ada majikan yang menunggu mereka sebelum dibawa ke lokasi pekerjaan dan hilang bekerja di Malaysia tanpa dapat dikesan. KJRI Johor Bahru tiada data be-

rapa ramai golongan ini namun kita percaya ramai juga.

"Namun, tindakan ini hanya memudaratkan pekerja Indonesia dan majikan Malaysia kerana jika sebarang masalah berlaku, KJRI serta kerajaan Malaysia juga tidak dapat mengambil tindakan tegas sebagaimana jika mereka ada permit yang sah," katanya.

Sigit Suryantoro turut menggesa majikan dan rakyat Indonesia tanpa permit kerja sah supaya segera membuat permohonan

terus bagi mendapatkan dokumen diperlukan.

"Apabila ada dokumen dan permit kerja lengkap, bukan sahaja rakyat Indonesia akan berasa lebih selamat dan tenang dalam bekerja, malahan majikan juga akan mendapat kualiti pekerja yang produktif di mana MoU itu sendiri akan beri perlindungan yang baik, *scope of work* juga jelas ada syarat jam bekerja. Jadi ia beri perlindungan bukan sahaja pada pekerja malah majikan juga," katanya.